



KENYATAAN MEDIA

PERLUASAN AKTIVITI KEAGAMAAN DI MASJID DAN SURAU DALAM TEMPOH FASA 2 PELAN PEMULIHAN NEGARA BAGI NEGERI TERENGGANU DARUL IMAN

Menjunjung titah perintah dan perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Al-Wathiqu Billah Sultan Mizan Zainal Abidin Ibni Al-Marhum Sultan Mahmud Al-Muktafi Billah Shah, Sultan dan Yang Dipertuan Bagi Negeri Terengganu Darul Iman serta segala jajahan takluknya selaku Ketua Agama Islam Negeri Terengganu berhubung Perluasan Aktiviti Keagamaan Di Masjid Dan Surau dalam tempoh Fasa 2 Pelan Pemulihan Negara (PPN) bagi Negeri Terengganu Darul Iman.

Selaras dengan Kenyataan Media Y.B. Menteri Kanan Pertahanan yang mengumumkan lima (5) buah negeri telah beralih dari **Fasa 1 Pelan Pemulihan Negara (PPN)** ke **Fasa 2 Pelan Pemulihan Negara (PPN)** termasuk Negeri Terengganu maka Majlis Agama Islam Dan Adat Melayu Terengganu selepas mendapat pandangan daripada Sahibus Samahah Dato' Mufti Negeri Terengganu, Pengarah Majlis Keselamatan Negara Negeri Terengganu dan Pengarah Kesihatan Negeri Terengganu dengan

ini mengambil keputusan bersetuju untuk memperluaskan aktiviti keagamaan di masjid dan surau dalam negeri Terengganu seperti berikut:-

- a) **Bilangan jemaah** bagi Solat Jumaat di masjid, solat fardhu, solat jenazah dan solat sunat hari raya Aidiladha di masjid dan surau negeri Terengganu **DIBENARKAN mengikut keluasan masjid dan surau** dengan mematuhi Prosedur Operasi Standard (SOP) yang ditetapkan.
- b) Kehadiran jemaah ke masjid dan surau hanya **DIBENARKAN** kepada **ahli qaryah yang bermastautin** dan **warganegara** sahaja kecuali mana-mana orang yang diberi **KEBENARAN KHAS** oleh Pesuruhjaya Hal Ehwal Agama Terengganu.
- c) Kehadiran jemaah bagi menunaikan solat sunat Aidiladha di masjid dan surau **DIBENARKAN** kepada jemaah **lelaki** sahaja.
- d) Imam-imam masjid **DIKEHENDAKI** membaca qunut nazilah ketika melaksanakan solat jumaat.
- e) Semua masjid **DIKEHENDAKI** melaksanakan solat sunat hajat setiap kali selepas solat Jumaat.

- f) Semua masjid dan surau **DIKEHENDAKI** mengadakan solat hajat dan bacaan Surah Yasin setiap malam selepas solat Maghrib secara berjamaah dan berdoa memohon supaya Allah Subhanahu Wataala mengangkat wabak ini.
- g) Semua Imam **DIKEHENDAKI** membaca teks Doa Qunut Nazilah dalam solat Jumaat dan Doa Mohon Dijauhi Dari Wabak Penyakit yang disediakan oleh Jabatan Hal Ehwal Agama Terengganu selepas setiap kali solat hajat dan bacaan surah Yasin.
- h) Aktiviti-aktiviti lain di masjid dan surau adalah **TIDAK DIBENARKAN** kecuali mendapat kebenaran daripada Majlis Agama Islam Dan Adat Melayu Terengganu (MAIDAM).
- i) Bagi **pelaksanaan ibadat korban**, Kenyataan Media oleh Yang Dipertua Majlis Agama Islam Dan Adat Melayu (MAIDAM) pada **1 Julai 2021** yang lalu masih terpakai.
- j) Mana-mana masjid atau surau yang dikenakan arahan penutupan di bawah seksyen 18 (1)(d) Akta Pencegahan Dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988


(Akta 342) **TIDAK DIBENARKAN** melaksanakan apa-apa aktiviti sepanjang tempoh penutupan.

- k) Sebarang perubahan akan dimaklumkan dari masa ke semasa tertakluk kepada arahan pihak berkuasa.

Baginda menyeru supaya rakyat jelata muslimin dan muslimat bersama-sama bermunajat, berzikir, beristighfar dan berselawat ke atas Junjungan Nabi Muhammad Shallallahu 'Alaihi Wasallam dan memperbanyakkan doa supaya wabak ini diangkat oleh Allah Subahanu Wataala.

Baginda berdoa semoga semua rakyat jelata sentiasa berada di dalam kerahmatan dan perlindungan Allah Subhanahu Wataala.

Menjunjung titah,



DATO' HAJI OSMAN BIN MUDA

YANG DIPERTUA

MAJLIS AGAMA ISLAM DAN ADAT MELAYU TERENGGANU

8 JULAI 2021M BERSAMAAN 27 ZULKAEDAH 1442H

قنوت نازلة

« بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ »

اللَّهُمَّ اهْدِنَا فِيمَنْ هَدَيْتَ وَ عَافِنَا فِيمَنْ عَافَيْتَ وَ تَوَلَّنَا فِيمَنْ تَوَلَّيْتَ وَ بَارِكْ لَنَا فِي مَا
أَعْطَيْتَ وَ قِنَا وَاصِرِفْ عَنَّا شَرَّ مَا قَضَيْتَ سُبْحَانَكَ تَقْضِي وَ لَا يَقْضَى عَلَيْكَ إِنَّهُ لَا
يَذِلُّ مَنْ وَآلَيْتَ وَ لَا يَعِزُّ مَنْ عَادَيْتَ تَبَارَكْتَ رَبَّنَا وَتَعَالَيْتَ فَالْحَمْدُ يَا اللَّهُ عَلَى مَا
قَضَيْتَ وَ لَكَ الشُّكْرُ عَلَى مَا أَنْعَمْتَ بِهِ عَلَيْنَا وَ أَوْلَيْتَ نَسْتَغْفِرُكَ يَا رَبَّنَا مِنْ جَمِيعِ
الدُّنُوبِ وَ الخَطَايَا وَ نَتُوبُ إِلَيْكَ يَا أَرْحَمَ الرَّاحِمِينَ.

اللَّهُمَّ إِنَّا نَعُوذُ بِكَ مِنْ جَهْدِ الْبَلَاءِ، وَ دَرَكِ الشَّقَاءِ، وَ سُوءِ الْقَضَاءِ، وَ شِمَاتَةِ الْأَعْدَاءِ.
اللَّهُمَّ إِلَيْكَ نَشْكُو وَ إِيَّاكَ نَرْجُو أَنْ تَدْفَعَ عَنَّا الْبَلَاءَ وَ الْوَبَاءَ وَ الْفِتْنَ وَ الْمِحْنَ مَا ظَهَرَ مِنْهَا
وَ مَا بَطَّنَ يَا أَرْحَمَ الرَّاحِمِينَ وَ يَا مُجِيبَ السَّائِلِينَ.

اللَّهُمَّ إِنَّا نَعُوذُ بِكَ مِنَ الْبَرَصِ وَ الْجُنُونِ وَ الْجُزَامِ وَ مِنْ سَيِّئِ الْأَسْقَامِ
رَبَّنَا آتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَ فِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَ قِنَا عَذَابَ النَّارِ
وَ صَلَّى اللَّهُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَ عَلَى آلِهِ وَ صَحْبِهِ وَ سَلَّمَ وَ الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ.

TERJEMAHAN

Ya Allah. Kurnialah kepada kami hidayah sebagaimana orang-orang yang telah Dikau berikan hidayah. Sejahterakanlah kami sebagaimana orang yang telah Dikau sejahterakan. Muliakanlah kami sebagaimana orang-orang yang telah Dikau muliakan. Berkatilah segala apa yang telah Dikau kurniakan kepada kami. Jauhkanlah kami dari segala kejahatan yang telah Dikau tetapkan. Sesungguhnya Dikau Yang Maha Menentukan dan tiada seorang jua pun yang dapat merubah ketetapan Mu. Sesungguhnya tidak menjadi hina orang yang Dikau muliakan dan tidak mulia orang yang Dikau musuhi. Demi barakah Mu, wahai Tuhan kami dan Maha Tinggi Dikau, hanya bagi Mu segala pujian atas apa-apa yang Dikau tetapkan dan kepada Mu syukur ya Allah, atas apa yang Dikau kurniakan kepada kami, kami memohon ampun kepada-Mu dari segala dosa dan kesalahan, kami bertaubat kepada-Mu wahai Tuhan Yang Maha Pemurah.

Ya Allah, kami berlindung kepada Mu dari beratnya musibah yang tak mampu ditanggung, dari datangnya sebab-sebab kebinasaan, dari buruknya akibat apa yang telah ditakdirkan, dan gembiranya musuh atas penderitaan yang menimpa.

Ya Allah, kepada Mu kami mengadu, kepada-Mu kami mengharap, jauhilah kami daripada bala bencana, wabak penyakit, fitnah, dari segala kepayahan dan dugaan yang zahir dan yang tersembunyi, wahai Tuhan yang maha Pemurah dan Tuhan yang maha mengabulkan doa.

Ya Allah, kami berlindung dengan Mu daripada penyakit sopak, gila, kusta dan penyakit-penyakit yang buruk.

Ya Tuhan kami, berilah kami kebaikan di dunia dan kebaikan di akhirat, dan peliharalah kami dari seksaan api neraka.

وَصَلَّى اللَّهُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَسَلَّمَ وَالْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ.

DOA MOHON DIJAUHI DARI WABAK PENYAKIT

« بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ »

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ أَشْرَفِ الْأَنْبِيَاءِ
وَالْمُرْسَلِينَ، وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ.

اللَّهُمَّ اذْفَعْ عَنَّا الْبَلَاءَ وَالْغَلَاءَ وَالْوَبَاءَ وَالطَّاعُونَ وَالْفَحْشَاءَ وَالْمُنْكَرَ وَالْبَغْيَ وَالسُّوءَ
الْمُخْتَلِفَ وَالشَّدَائِدَ وَالْمِحْنَ مَا ظَهَرَ مِنْهَا وَمَا بَطَنَ مِنْ بَلَدِنَا وَقَرْيَتِنَا هَذِهِ خَاصَّةً وَمِنْ
بُلْدَانِ الْمُسْلِمِينَ كَافَّةً عَامَّةً إِنَّكَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ وَبِالْإِجَابَةِ جَدِيرٌ.

تَخَصَّنَا بِذِي الْعِزَّةِ وَالْجَبْرُوتِ، وَاعْتَصَمْنَا بِرَبِّ الْمَلَكُوتِ، وَتَوَكَّلْنَا عَلَى الْحَيِّ الَّذِي لَا
يَمُوتُ، اللَّهُمَّ اصْرِفْ عَنَّا هَذَا الْوَبَاءَ، وَقِنَا شَرَّ الرَّدَى، وَنَجِّنَا مِنَ الطَّعْنِ وَالطَّاعُونَ
وَالْبَلَاءِ، بِلُطْفِكَ يَا لَطِيفُ، يَا خَيْرُ، إِنَّكَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ، وَصَلَّى اللَّهُ عَلَى
سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَسَلَّمَ وَالْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ.

TERJEMAHAN

Segala puji bagiMu ya Allah, Tuhan sekalian alam, selawat dan salam ke atas Saidina Muhammad semulia-mulia Nabi dan Rasul, ahli keluarga dan para sahabat Baginda.

Ya Allah, jauhilah kami daripada bala' bencana, wabak penyakit, taun, pelbagai perlakuan keji dan mungkar, segala kepayahan dan dugaan yang zahir dan yang tersembunyi.

Ya Allah, selamatkanlah negeri kami ini khususnya, dan negara umat Islam amnya dari segala bencana tersebut. Sesungguhnya Engkau Maha Berkuasa ke atas segala-galanya dan Engkaulah yang selayaknya memberi perkenan.

Kami berlindung dengan Allah Tuhan yang Maha Gagah Perkasa dan yang Mempunyai Kekuasaan Mutlaq. Kami berpegang teguh kepada Allah Tuhan yang Memiliki Kerajaan yang Maha Agung dan kami berserah diri kepada Allah yang hidup dan tidak akan mati.

Ya Allah, wahai Tuhan kami, jauhilah kami daripada wabak yang datang ini dan peliharalah kami daripada segala kejahatan yang merosakkan serta selamatkanlah kami daripada segala fitnah dan penyakit taun serta segala bala' yang datang, dengan kelembutanMu ya Allah, Tuhan yang Maha Berlemah Lembut, wahai Tuhan yang Maha Halus PengetahuanNya, Engkau Maha Berkuasa ke atas segala sesuatu.

وَصَلَّى اللَّهُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَسَلَّمَ وَالْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ